

No. Soalan:17  
PR-1331-L66506

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015**

**SOALAN :** Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]  
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:-

- (a) menurut Persatuan Sejarah Johor, bahawa masih terdapat bukti-bukti yang ada di Istana Johor yang boleh dikemukakan untuk membawa semula isu Pulau Batu Puteh di Mahkamah Antarabangsa (ICJ). Sejauh mana kesungguhan Kerajaan dalam isu Pulau Batu Puteh; dan
- (b) apakah perkembangan terkini Kerajaan dalam mencari bukti untuk mengkaji semula ICJ ke atas keputusan Pulau Batu Puteh menjelang 2018.

## **JAWAPAN**

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, pada 23 Mei 2008 Mahkamah Keadilan Antarabangsa, atau dengan izin *International Court of Justice (ICJ)* telah memberikan penghakimannya berhubung Kes Kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. ICJ memutuskan bahawa Singapura mempunyai kedaulatan ke atas Batu Puteh, Malaysia mempunyai kedaulatan ke atas Batuan Tengah, manakala kedaulatan ke atas Tubir Selatan bergantung kepada di dalam perairan laut wilayah yang mana ianya terletak. Ini bermaksud, kedaulatan ke atas Tubir Selatan perlu ditentukan oleh Malaysia dan Singapura melalui pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

3. Lanjutan itu, Malaysia dan Singapura telah menubuhkan dengan izin, *Malaysia – Singapore Joint Technical Committee (MSJTC)* bagi melaksanakan penghakiman ICJ. Setakat ini, 7 Mesyuarat MSJTC telah diadakan dan kedua-dua negara sedang di dalam proses untuk melaksanakan perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

4. Kerajaan sedia maklum akan peruntukan Artikel 61 Statut ICJ yang memperuntukkan semakan semula, atau dengan izin, *revision* ke atas penghakiman ICJ, dalam tempoh sepuluh (10) tahun daripada tarikh penghakiman sekiranya fakta atau bukti baru yang penting ditemui. Kerajaan mengambil pendirian terbuka di dalam perkara ini dan tidak akan teragak-agak untuk mengemukakan permohonan semakan semula ke atas penghakiman ICJ berhubung Kes Kedaulatan Ke Atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Tengah sekiranya terdapat fakta atau bukti baru yang penting ditemui.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

5. Sukacita saya memaklumkan bahawa berhubung kes Batu Puteh ini, Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan telah menjalankan usaha-usaha berkaitan termasuklah penyelidikan, dan sebagainya sejak tahun 1980an. Usaha-usaha yang dilaksanakan termasuklah penyelidikan melibatkan lebih daripada 50 orang penyelidik yang melakukan penyelidikan di lebih 24 arkib dan perpustakaan di Malaysia dan juga 39 arkib dan perpustakaan di 10 negara asing. Semua usaha ini dilakukan sebelum Kes Kedaulatan Ke Atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan dibawa ke ICJ.

6. Sukacita juga saya memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan agensi-agensi yang berkenaan telah mengadakan perbincangan dan sentiasa bekerjasama rapat dalam tempoh selepas penghakiman ICJ tersebut, sehingga ke hari ini. Langkah-langkah ini adalah untuk memastikan penyelarasan serta tindakan lanjut boleh diambil jika sesuatu fakta atau bukti baru yang penting ditemui, yang membolehkan semakan semula dikemukakan di hadapan ICJ.

Sekian, terima kasih.